

20 MAR 2001

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR LAWAT MANGSA PERGADUHAN JALAN KLANG LAMA AHAD LEPAS

PETALING JAYA, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara beberapa orang kenamaan yang melawat mangsa kejadian pergaduhan di beberapa taman sekitar Jalan Klang Lama pada 8 Mac lepas, di Pusat Perubatan Hospital Universiti Malaya (PPUM) di sini, Ahad lepas.

Menurut seorang pegawai PPUM, Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 40 minit melawat beberapa mangsa yang sedang dirawat di PPUM pada pagi itu.

Katanya Dr Mahathir yang diiringi para pegawai perubatan pusat itu semasa menziarahi, bertanya khabar mangsa serta sanak saudara yang menemani mereka.

Seorang mangsa yang ditemui yang enggan memberikan namanya memberitahu Bernama di PPUM hari ini, beliau merasa berbesar hati dengan kehadiran Perdana Menteri yang menurutnya jelas menunjukkan keperihatinan beliau sebagai seorang pemimpin.

Katanya ramai orang kenamaan melawat beliau serta mangsa-mangsa lain kejadian tersebut sebelum ini. Antara mereka ialah menteri-menteri Kabinet dan pemimpin pembangkang.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor Datuk Nik Ismail Nik Yusuf semasa dihubungi di sini berkata sehingga pukul 3 petang ini, hanya tinggal 13 mangsa kejadian yang masih dirawat di PPUM.

Lebih 40 orang mengalami kecederaan dalam pergaduhan itu dan hampir 20 daripada mereka dimasukkan ke PPUM. Enam orang terbunuh dalam pergaduhan terbabit.

Nik Ismail berkata semua mangsa berada dalam keadaan stabil dan beliau menjangkakan beberapa lagi mangsa akan dibenarkan pulang hari ini.

Beliau juga berkata sehingga kini, polis telah menahan 233 orang berikutan insiden pergaduhan itu.

"Seramai 75 darinya sudah didakwa dengan pelbagai tuduhan dan 28 lagi sudah dibebaskan dengan jaminan polis. Ada lagi yang masih ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata polis masih terus membuat kawalan di tempat kejadian dan akan hanya mengundurkan anggotanya selepas berpuas hati dengan tahap keselamatan di kawasan terbabit serta dengan persetujuan daripada semua pihak termasuk para pemimpin serta masyarakat tempatan.

-- BERNAMA

AZH ES LAT